



كردانجا نكردن قك بذا الامان

**KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN**  
PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN  
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-702 7795  
Laman Web : pkpk.kedah.gov.my  
E-mail : pkpk@kedah.gov.my

كردانجا نكردن  
KEDAH SEJAHTERA  
NIKMAT UNTUK SEMUA

Ruj. Kami : P.Kw.N.(K)1522 Jld. 2 (18)  
Tarikh : 16 Safar 1444H  
13 September 2022

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

YB Dato'/YBhg. SS Dato' Paduka/YAA Dato'/YBhg. Dato' Paduka/YBhg.  
Dato'/YBhg. Datuk/Tuan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
BIL. 5 TAHUN 2022 PINDAAN  
- GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM NEGERI  
KEDAH TAHUN 2022**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YB Dato'/YBhg. SS Dato' Paduka/YAA Dato'/YBhg. Dato' Paduka/YBhg. Dato'/YBhg. Datuk/Tuan, terdapat pindaan kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman Bil 5 Tahun 2022 bertarikh 08 September 2022. Mohon perhatian bagi tambahan di **para 3.6.5 dan 3.9** surat pekeling tersebut.

3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini disertakan surat pekeling yang mengandungi garis panduan penjimatan yang perlu dipatuhi dan dijadikan panduan oleh YB Dato'/YBhg. SS Dato' Paduka/YAA Dato'/YBhg. Dato' Paduka/YBhg. Dato'/YBhg. Datuk/Tuan.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**  
**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**  
**"KEDAH SEJAHTERA - NIKMAT UNTUK SEMUA"**  
Saya yang menjalankan amanah,

  
(DATO' HAJI ISAHAK BIN MURAT, DSSS., SDK., AMK., BCK.)  
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
KEDAH DARUL AMAN

Tel : 04-7027725/7027752  
Emel : pkpk\_belanjawan@kedah.gov.my



**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
BIL. 5 TAHUN 2022 PINDAAN**

**SEMUA PEGAWAI PENGAWAL NEGERI KEDAH DARUL AMAN/  
PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI/BADAN BERKANUN NEGERI**

**GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM NEGERI KEDAH  
TAHUN 2022  
(Berkuatkuasa sehingga 31 Disember 2022)**

---

**1. TUJUAN**

Tujuan surat pekeliling ini disediakan adalah bagi memaklumkan kepada semua Jabatan Negeri tentang dasar penjimatan dalam perbelanjaan awam di bawah peruntukan Kerajaan Negeri Kedah tahun 2022 bagi mengoptimumkan perbelanjaan kerajaan.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Kementerian Kewangan telah mengeluarkan Garis Panduan PB 3.1 Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam pada 14 Julai 2022. Berdasarkan pekeliling tersebut Kerajaan Negeri boleh samada menerima sepenuhnya pekeliling yang disediakan atau menerima sebahagian yang berkaitan dengan peruntukan Kerajaan Negeri.
- 2.2 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah telah memutuskan melalui keputusan Kertas No.7(F)282/2022 untuk menerima pekeliling tersebut dengan pindaan berdasarkan peruntukan Kerajaan Negeri. Sehubungan dengan itu, Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah diminta untuk mengeluarkan Surat Pekeliling Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam Negeri Kedah bagi kawalan peruntukan di bawah Bajet Negeri Kedah.

- 2.3 Pegawai Pengawal hendaklah menyusun semula program dan aktiviti dan menguruskan aliran tunai mengikut keutamaan dengan memastikan tidak membuat "*trade off*" ke atas program dan aktiviti yang memfokus kepada kesejahteraan rakyat.

### 3. PERBELANJAAN MENGURUS

- 3.1 Pegawai Pengawal hendaklah melaksanakan penjimatan dalaman dan menentukan perbelanjaan yang dibuat adalah selaras dengan dasar penjimatan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Keutamaan perbelanjaan adalah untuk perbelanjaan yang telah diluluskan dalam Bajet 2022 sahaja.
- 3.2 Pelaksanaan program atau aktiviti yang telah diluluskan hendaklah dibiayai oleh peruntukan semasa jabatan. Program yang dianjurkan sekiranya melebihi RM50 ribu hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri. Peruntukan tambahan bagi perkara kritikal dan mendesak hendaklah ditampung melalui penjimatan peruntukan sedia ada atau secara "*trade off*" dengan program yang tidak signifikan kepada rakyat dan jabatan. Permohonan peruntukan tambahan adalah tidak diluluskan.
- 3.3 Semakan semula program atau aktiviti perlu dibuat oleh pegawai pengawal. Pegawai Pengawal perlu mengenal pasti program yang boleh diteruskan dan program yang perlu dibatalkan. Sebarang pelaksanaan program atau aktiviti baru hendaklah mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan dengan menggunakan peruntukan semasa jabatan.
- 3.4 Perbelanjaan tanpa peruntukan adalah tidak dibenarkan dan pegawai pengawal hendaklah memastikan perancangan perolehan dibuat dengan rapi dan dapat disiapkan dalam tahun semasa. Ketidakpatuhan kepada perkara ini boleh diambil tindakan surcaj.
- 3.5 Emolumen  
Perbelanjaan bagi elaun lebih masa hendaklah dikawal, pegawai pengawal dan pegawai yang mengarahkan kerja lebih masa hendaklah berpuas hati bahawa kerja lebih masa itu benar-benar perlu untuk disiapkan dan dilaksanakan dalam tempoh ditetapkan. Arahan hendaklah dibuat secara bertulis sebelum sesuatu kerja lebih masa tersebut dimulakan.

### 3.6 Perkhidmatan dan Bekalan

- 3.6.1 Pegawai Pengawal hendaklah memastikan peruntukan adalah mencukupi untuk dibuat perbelanjaan bagi mengelakkan AP58(a). Baki peruntukan hendaklah disemak sebelum sesuatu perolehan dibuat. Kegagalan mematuhi perkara ini boleh diambil tindakan di bawah AP59.
- 3.6.2 Sebarang perolehan bagi perkhidmatan berkontrak hendaklah disemak peruntukan adalah mencukupi untuk tanggungan sehingga akhir tahun 2022. Peruntukan hendaklah mencukupi sebelum sesuatu kontrak ditandatangani.
- 3.6.3 Mesyuarat yang melibatkan pelbagai jabatan adalah digalakan secara atas talian. Mesyuarat hendaklah diadakan di premis kerajaan sahaja dan penganjuran mesyuarat di hotel adalah tidak dibenarkan.
- 3.6.4 Sebarang lawatan keluar Negeri Kedah adalah tidak dibenarkan dan hendaklah mendapat kelulusan Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri sekiranya benar-benar perlu.
- 3.6.5 Penganjuran kursus/bengkel/seminar di hotel adalah tidak dibenarkan dan sekiranya perlu hendaklah dirancang secara terperinci dan dalam keadaan paling menjimatkan. Kelulusan YB Pegawai Kewangan Negeri hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum sesuatu kursus/bengkel/seminar itu dianjurkan.

### 3.7 Pembelian Aset

Peruntukan bagi semua kod Aset (30000) adalah **dibekukan** kecuali yang telah dikeluarkan pesanan tempatan dan telah dibuat proses perolehan.

### 3.8 Pemberian Kepada Badan Berkanun

Semua Badan Berkanun Negeri hendaklah menyusun semula perbelanjaan dan mencadangkan penjimatan peruntukan mengurus kepada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri sekurang-kurangnya **10% penjimatan** daripada peruntukan tahun 2022 yang telah diluluskan. Sekatan Perbelanjaan akan dibuat berdasarkan pertimbangan daripada cadangan yang dikemukakan.

3.9 Pengambilan kakitangan tidak berwaran

Pengambilan kakitangan kontrak yang tidak berwaran dan Pekerja sambilan Harian (PSH) adalah tidak dibenarkan.

**4. PERUNTUKAN PEMBANGUNAN**

4.1 Bagi perbelanjaan peruntukan pembangunan, projek yang telah selesai proses perolehan sahaja dibenar untuk dilaksanakan.

4.2 Peruntukan di bawah maksud **TAHAP** adalah dibenarkan untuk dibelanjakan.

**5. PINDAH PERUNTUKAN DAN PENGELUARAN SUB WARAN**

5.1 Jabatan hendaklah membuat kiraan anggaran keperluan bagi kod yang tidak mempunyai baki mencukupi, ini adalah bagi mengelakkan vot berbaki negatif. Pegawai Pengawal hendaklah mengawal dan menyenggara peruntukan vot jabatan selaras dengan AP95.

5.2 Semua permohonan pindah peruntukan hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri dengan mengambilkira keperluan seminimum mungkin. Berdasarkan teguran audit oleh Jabatan Audit Negara, terdapat jabatan yang membuat pindah peruntukan tetapi tidak dibelanjakan sehingga akhir tahun. Permohonan pindah peruntukan hendaklah dikemukakan dengan pengiraan terperinci berserta dokumen sokongan.

5.3 Jabatan hendaklah merancang perbelanjaan bagi peruntukan untuk baki tahun 2022, sekiranya wujud keperluan untuk jabatan menyalurkan peruntukan kepada jabatan pelaksana, sub-waran hendaklah dikeluarkan sebelum **1 Oktober 2022**.

5.4 Jabatan pengeluar sub-waran hendaklah mendapatkan kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri sebelum sub-waran dikeluarkan. Rujukan kelulusan hendaklah dimasukkan sebagai rujukan kelulusan khas disemua dokumen berkaitan peruntukan tersebut.

## 6. PENUTUP

- 6.1. Pekeliling ini adalah dibaca bersama Arahan Perbendaharaan, Akta Tatacara Kewangan 1957, Pekeliling Perbendaharaan dan Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkuatkuasa pada masa kini. Sebarang ketidakpatuhan kepada pekeliing ini adalah dengan kelulusan YB Pegawai Kewangan Negeri.
- 6.2. Pegawai Pengawal hendaklah mematuhi Arahan Perbendaharaan, Akta Tatacara Kewangan 1957, Pekeliling Perbendaharaan dan Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkuatkuasa pada masa kini. Pegawai Pengawal diingatkan supaya melaksanakan tugas dan tanggungjawab seperti yang digariskan dalam surat pelantikan sebagai pegawai Pengawal di bawah Seksyen 15A, Akta Tatacara Kewangan 1957.
- 6.3. Pekeliling ini juga dipanjangkan juga kepada semua Pihak Berkuasa tempatan dan Badan Berkanun negeri untuk diterima pakai sepenuhnya atau sebahagian dengan kelulusan pihak berkuasa masing-masing.
- 6.4. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa serta merta pada tarikh surat pekeliing ini dikeluarkan dan tamat pada 31 Disember 2022.

Sekian.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“KEDAH SEJAHTERA - NIKMAT UNTUK SEMUA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(DATO' HAJI ISAHAK BIN MURAT, DSSS., SDK., AMK., BCK.)**  
**PEGAWAI KEWANGAN NEGERI**  
**KEDAH DARUL AMAN**

Tarikh: **13 SEP 2022**

s.k. Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman

Bendahari Negeri Kedah Darul Aman

Pengarah Jabatan Audit Negeri Kedah Darul Aman

Fail P.Kw.N(K)01522 Jld 2 (18)

## **SENARAI EDARAN**

1. Yang Berhormat  
Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah  
Wisma Darul Aman  
**05503 Alor Setar**
2. Yang Berhormat Dato'  
Pegawai Kewangan Negeri  
Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri  
Wisma Darul Aman  
**05503 Alor Setar**  
[u/p : Penolong Pegawai Kewangan (Khidmat Pengurusan)]
3. Yang Berbahagia Dato'  
Pengarah Tanah dan Galian Negeri  
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah  
Kedah Darul Aman  
Wisma Negeri  
**05576 Alor Setar**
4. Yang Berbahagia Dato'  
Pengarah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri  
Kedah Darul Aman  
Bangunan Wan Mat Saman  
**05676 Alor Setar**
5. Sohibus Samahah  
Dato' Paduka Mufti Negeri Kedah  
Jabatan Mufti Negeri Kedah  
Aras 3, Bangunan Mahkamah Syariah,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
Anak Bukit, Bandar Mu'adzam Shah,  
**05550 Alor Setar**
6. Yang Amat Arif  
Dato' Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah  
Aras 2, Bangunan Mahkamah Syariah,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
Anak Bukit, Bandar Mu'adzam Shah,  
**05550 Alor Setar**

7. Yang Berbahagia Dato' Paduka  
Pengelola Bijaya DiRaja  
Pejabat Kebawah D.Y.M.M. Tuanku Sultan Kedah Darul Aman  
Aras 1, Blok A,  
Wisma Darul Aman  
**05503 Alor Setar**
8. Yang Berbahagia Dato'  
Pegawai Daerah Kota Setar  
Pejabat Daerah dan Tanah Kota Setar  
Kompleks Pejabat Daerah dan Tanah Kota Setar,  
Persiaran Jubli Emas,  
Jalan Suka Menanti,  
**05150 Alor Setar**
9. Yang Berbahagia Datuk  
Pegawai Daerah Kuala Muda  
Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Muda  
08000 Sungai Petani  
**Kedah Darul Aman**
10. Yang Berbahagia Dato'  
Pegawai Daerah Kulim  
Pejabat Daerah dan Tanah Kulim  
09000 Kulim  
**Kedah Darul Aman**
11. Yang Berbahagia Dato'  
Pegawai Daerah Kubang Pasu  
Pejabat Daerah dan Tanah Kubang Pasu  
06000 Jitra  
**Kedah Darul Aman**
12. Pegawai Daerah Baling  
Pejabat Daerah dan Tanah Baling  
09100 Baling  
**Kedah Darul Aman**
13. Pegawai Daerah dan Tanah Sik  
Pejabat Daerah dan Tanah Sik  
08200 Sik  
**Kedah Darul Aman**
14. Pegawai Daerah Padang Terap  
Pejabat Daerah dan Tanah Padang Terap  
06300 Kuala Nerang  
**Kedah Darul Aman**



15. Yang Berbahagia Dato'  
Pegawai Daerah Langkawi  
Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi  
07000 Kuah, Langkawi  
**Kedah Darul Aman**
16. Pegawai Daerah Yan  
Pejabat Daerah dan Tanah Yan  
06910 Yan  
**Kedah Darul Aman**
17. Pegawai Daerah Bandar Baharu  
Pejabat Daerah dan Tanah Bandar Baharu  
09800 Serdang  
**Kedah Darul Aman**
18. Pegawai Daerah Pendang  
Pejabat Daerah dan Tanah Pendang  
06720 Pendang  
**Kedah Darul Aman**
19. Pegawai Daerah Pokok Sena  
Pejabat Daerah dan Tanah Pokok Sena  
06400 Pokok Sena  
**Kedah Darul Aman**
20. Setiausaha  
Dewan Undangan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Negeri Kedah Darul Aman  
Aras 4, Blok E,  
Wisma Darul Aman  
**05503 Alor Setar**
21. Setiausaha  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Kedah Darul Aman  
Aras 1, Blok E,  
Wisma Darul Aman.  
**05503 Alor Setar**
22. Pengarah  
Jabatan Kerja Raya Negeri  
Kedah Darul Aman  
Bangunan Sultan Abdul Halim  
**05500 Alor Setar**

23. Pengarah  
Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri  
Kedah Darul Aman  
Tingkat 10, Bangunan Sultan Abdul Halim  
**05500 Alor Setar**
24. Pengarah  
Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah Darul Aman  
Tingkat 7, Bangunan Sultan Abdul Halim  
**05500 Alor Setar**
25. Pengarah  
Jabatan Pertanian Negeri Kedah Darul Aman  
Telok Chengai  
**06600 Kuala Kedah**
26. Pengarah  
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri  
Kedah Darul Aman  
Jalan Datuk Kumbar  
**05300 Alor Setar**
27. Pengarah  
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri  
Aras Bawah, Blok C, Wisma Persekutuan,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
Anak Bukit, Bandar Mu'adzam Shah,  
**05550 Alor Setar**
28. Pengarah  
Jabatan Perhutanan Negeri  
Kedah Darul Aman  
Tingkat 8, Bangunan Sultan Abdul Halim  
**05500 Alor Setar**
29. Pengarah  
Jabatan Kemajuan Masyarakat Negeri  
Aras 2, Zon A, Wisma Persekutuan,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
Anak Bukit, Bandar Mu'adzam Shah,  
**05550 Alor Setar**